

12 MAY 2001

Sukan-Olahraga

HAMBERI KECEWA TIADA SAINGAN DI TERBUKA KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Pelari pecut negara Hamberi Mahat menyifatkan kemenangannya dalam acara akhir 100 meter Kejohanan Olahraga Terbuka Kuala Lumpur ke-16 di Stadium Nasional Bukit Jalil hari ini sebagai tidak bermakna kerana tidak menerima saingan seperti yang diharapkan.

Hamberi berkata, setelah tidak menyertai Terbuka Thailand awal bulan ini, beliau memang menantikan kejohanan ini untuk bertanding dengan jaguh pecut kebangsaan Watson Nyambek supaya sama-sama dapat mencapai had kelayakan 10.39 saat, seperti yang ditetapkan oleh Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) bagi menyertai Sukan SEA ke-21 September ini.

Watson yang sebelum ini mencatat masa 10.73 saat pada separuh akhir bagaimanapun tidak meneruskan larian pada acara akhir kerana mengalami kekejangan otot semasa memanaskan badan untuk acara itu.

"Saya memang kecewa sebab saya benar-benar berharap Watson dapat memberikan saingan dan membantu saya mencapai had kelayakan, malangnya dia cedera dan tak dapat bertanding," kata Hamberi ketika ditemui selepas memenangi acara tersebut dengan catatan masa 10.84 saat.

Hamberi dan Watson merupakan dua pelari pecut negara yang mewakili Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) pada kejohanan ini. Mereka juga adalah antara pelari pecut yang disenaraikan dalam skuad Gemilang 2001 untuk menghadapi Sukan SEA nanti, selain Azmi Ibrahim.

Bagaimanapun, setakat ini, belum ada seoranganpun pelari pecut negara yang disahkan melepasi had kelayakan untuk bertanding di Sukan SEA.

Hamberi berkata, beliau memang mengharapkan semua pelari pecut yang disenaraikan dalam projek Gemilang 2001 dapat menyertai Terbuka Pahang di Kuantan bulan depan sebagai satu lagi peluang untuk sama-sama mencapai had kelayakan bertanding di Sukan SEA.

"Kalau masih tiada yang mahu bertanding dan memberikan saingan kepada rakan sepasukan (Gemilang 2001), rasanya tidak ada sesiapa lagi yang dapat mendorong dan membantu kita melepasi had kelayakan itu," katanya.

"Ini (Sukan SEA) adalah masa terbaik untuk kita buktikan bahawa kita boleh lakukan kerana akan bertanding di tempat sendiri," kata Hamberi.

Yang penting ialah komitmen atlit yang terlibat. Tanpa komitmen semuanya tidak berguna, kata beliau.

Watson yang ditemui pula berkata, kekejangan otot yang dialami ketika memanaskan badan itu memaksanya menarik diri.

Bagaimanapun katanya, masih banyak lagi peluang untuk pelari pecut melepasi had kelayakan seperti yang ditetapkan oleh KOAM sebelum Sukan SEA nanti, seperti Terbuka Pahang, Terbuka Perak, Terbuka Pulau Pinang, Terbuka Sarawak dan juga Terbuka Malaysia.

Menurut Watson beliau mungkin tidak menyertai Terbuka Pahang dan Perak, tetapi hanya Terbuka Sarawak.

Mengenai persiapan untuk Sukan SEA, Watson berkata ia masih di tahap 80 peratus.

-- BERNAMA

NHA AFY ZB